

**ANTI- CRIME HOUSING  
HOUSING AND COMMUNITY WORKBASE**

**NUR LIYANA BINTI ENCHIK ARIS**

A report submitted in partial fulfilment of the requirements for the award of the  
Degree of Bachelor of Architecture

**Faculty of the Built Environment,  
Universiti Teknologi Malaysia**

APRIL 2008

## ABSTRAK

‘Rumahku, Syurgaku’, inilah kata-kata yang begitu sinonim dengan kehidupan sehari-hari kita, kerana di sinilah kita menghabiskan masa bersama keluarga tercinta. Namun begitu, walau kawasan perumahan dianggap sebagai syurga bagi penduduknya terdapat juga masalah-masalah yang melanda kawasan tersebut. Masalah di kawasan perumahan yang ingin saya bincangkan ialah masalah jenayah. Jenayah..... Jenayah terdiri daripada jenayah berat dan jenayah ringan tetapi pada dasarnya, jenayah (walaupun berat atau ringan) merupakan suatu perbuatan yang merugikan semua pihak. Jenayah di kawasan perumahan merupakan satu isu yang patut diambil berat oleh semua pihak kerana di rumah kediamanlah tempat setiap individu mencari perlindungan daripada persekitaran. Cara-cara menangani masalah jenayah telah dibincangkan oleh pelbagai pihak termasuk pihak media massa. Namun begitu, isu ini tidak dibincangkan secara menyeluruh. Oleh itu, saya telah mengambil kesempatan ini untuk memperbincangkan isu dengan lebih terperinci. ‘Cara menangani masalah jenayah dari segi aspek komuniti’ merupakan topik perbincangan saya, kerana pada pendapat saya, masalah ini haruslah dibanteras daripada akar umbinya sendiri. Masyarakat kita pada masa kini terlampau sibuk dalam mengejar impian masing-masing hingga lupa akan tanggungjawab terhadap komuniti dan masyarakat mereka sendiri. Ini merupakan salah satu punca berlakunya jenayah di kawasan perumahan. Dalam membincangkan cara-cara menangani masalah jenayah di kawasan perumahan, saya juga mengambil kesempatan ini untuk mendefinisikan perkataan jenayah itu sendiri, jenis-jenis jenayah dan punca jenayah itu berlaku. Selain itu saya juga telah menjalankan survey, di kawasan perumahan bandar Teluk Intan, Perak untuk mengkaji corak kehidupan masyarakat di kawasan perumahan tersebut. Kajian ini dijalankan, untuk memperoleh statistik tentang tahap-tahap keselamatan di kawasan perumahan tersebut dan peranan komuniti sendiri. Survey ini telah dijalankan untuk mengukuhkan lagi hujah-hujah mengenai isu ini.

## **ABSTRACT**

‘Home sweet home’ is a quote that we usually use to describe our own personal sanctuaries where quality time with the family is spent. Home is the place in which we go to in order to seek refuge or shelter, but lately the nation has been alarmed by cases such as Nurul Jaslin and Sharlinie. These unfortunate victims of crime were abducted within walking distance from their own homes. This proves to show that something needs to be done in order to create some sort of social barrier or social control in our housing development. The existing terrace housing development is either linear or of grid design. This creates no opportunity for innovation and proves to be useless in reducing the crime rates in our neighbourhoods. The issue of crime in housing is always raised by the media and also politicians but not a lot of effort or research has been invested in order to tackle this issue. This thesis presents interesting statistics and research relevant to crime in the context of Malaysia. This thesis also proposes architectural solutions to this issue and hopefully this study can be used as guide to future housing developments. It is our responsibility as professionals to play a role in protecting our societies as it is proven that these efforts would significantly reduce crime rates and also improve the quality of life in our neighbourhoods.

Let us all learn from our mistakes and discover the possibilities.